# MINIT MESYUARAT
# JAWATANKUASA KUALITI
# UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
# KALI KE - 63

---

| | | |
|---|---|---|
| Tarikh | : | 15 Julai 2025 (Selasa) |
| Masa | : | 9.00 pagi – 11.40 pagi |
| Tempat | : | Secara dalam talian melalui Aplikasi *Google Meet* |
| Kehadiran | : | Sepertimana di **Lampiran A** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| **Minit 63.1** | **Kata Aluan Pengerusi**<br><br>Pengerusi: | |
| | (a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Ummul Kitab Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggungjawab (PTJ) serta ahli mesyuarat atau wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-63. | **Makluman** |
| | (b) merakamkan ucapan tahniah atas pelantikan Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti baharu yang dilantik iaitu Encik Muhammad Hafiz bin Bakar, sebagai TWP PP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) mulai 25 Jun 2025. | **Makluman** |
| | (c) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti iaitu Puan Rina Mazni Musa, mantan TWP PP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) bagi tempoh 3 Mac 2025 hingga 24 Jun 2025. | **Makluman** |
| | (d) turut mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kualiti dalam melaksanakan agenda kualiti UPM bagi penggal pertama tahun 2025 yang melibatkan aktiviti kualiti berikut:<br><br>i. pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2022 dan Penilaian Ekosistem | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

Kondusif Sektor Awam (EKSA) telah diadakan pada 7 April 2025 hingga 6 Jun 2025.

ii. Kuat kuasa dokumen ISO pada 25 Februari 2025 dan 14 Mei 2025.

(e) memaklumkan pelaksanaan Audit SIRIM bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2022 akan diadakan pada 22 hingga 26 September 2025 dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan QMS dan ISMS pada 19 Ogos 2025. Perincian takwim aktiviti kualiti perkhidmatan UPM tahun 2025 seperti berikut:

**Makluman**

**TAKWIM AKTIVITI KUALITI PERKHIDMATAN UPM TAHUN 2025**

| Bil | Perkara | Tarikh | Tempoh | Jan | Feb | Mac | April | Mei | Jun | Julai | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | AUDIT DALAMAN | | | | | | | | | | | | | | |
| | (a) Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015 | 7 April 2025 hingga 6 Jun 2025 [Dilaksanakan oleh PTJ mengikut tempoh audit yang ditetapkan dalam jadual audit PTJ masing-masing] | | | | | | | | | | | | | |
| | (b) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2022 | 7 April 2025 hingga 6 Jun 2025 [Dilaksanakan oleh PTJ mengikut tempoh audit yang ditetapkan dalam jadual audit PTJ masing-masing] | | | | | | | | | | | | | |
| 2. | PENILAIAN AMALAN EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA) | | | | | | | | | | | | | | |
| | Penilaian EKSA PTJ UPM | 7 April 2025 hingga 6 Jun 2025 [Dilaksanakan oleh PTJ secara bersekali mengikut tempoh audit QMS/ISMS yang ditetapkan dalam jadual audit PTJ masing-masing] | | | | | | | | | | | | | |
| 3. | AUDIT SIRIM | | | | | | | | | | | | | | |
| | (a) MS ISO 9001:2015 | 22 September 2025 hingga 26 September 2025 | 5 hari | | | | | | | | | | | | |
| | (b) MS ISO/IEC 27001:2022 | 22 September 2025 hingga 26 September 2025 | 5 hari | | | | | | | | | | | | |
| 4. | KUAT KUASA DOKUMEN ISO | 28/2/2025, 14/5/2025, 31/7/2025 & 12/9/2025 | 4 kali | | | | | | | | | | | | |
| 5. | MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI | 25/2/202 DONE /7/2025, 9/12/2025 | 3 kali | | | | | | | | | | | | |
| 6. | MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN | QMS & ISMS: 19 Ogos 2025 | 1 kali | | | | | | | | | | | | |
| 7. | SAMBUTAN HARI KUALITI & INOVASI PERKHIDMATAN (HKIP) UPM | *Nota : Penganjuran setiap 2 tahun sekali – Tahun 2026 [penilaian tahun 2025 & 2026]* | ½ hari | | | | | | | | | | | | |

---

**Minit 63.2**

**Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-62**

Minit Mesyuarat JKK Kali ke-62 yang telah diadakan pada 25 Februari disahkan tanpa sebarang pindaan.

**Makluman**

---

**Minit 63.3**

**Perkara-perkara Berbangkit**

Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-62 sepertimana pada **Lampiran Agenda 3** yang telah dibentang.

**Makluman**

Mesyuarat mengambil perhatian berkenaan perkara status tindakan susulan bagi perkara 4 (Minit 62.7.1(b)) Status Laporan U-RESPONS iaitu sebanyak sembilan (9) PTJ masih belum mengambil tindakan terhadap laporan maklum balas bagi tahun 2024:

1. Pejabat TNC (P&I) - telah mengambil tindakan memberi maklum balas tetapi terdapat masalah teknikal kepada sistem U-RESPONS.
2. Pejabat TNC (A&A) - telah mengambil tindakan memberi maklum balas tetapi terdapat masalah teknikal kepada sistem U-RESPONS.

**TWP PP, TWP PTJ yang berkaitan**

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>3. Pusat Antarabangsa - masih belum dapat maklum balas.<br>4. WAZAN – TWP PP akan bawa perkara ini dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) PTJ.<br>5. Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan – akan ambil tindakan di peringkat PTJ.<br>6. Fakulti Sains & Teknologi Makanan – telah mengambil tindakan dalam sistem U-RESPONS.<br>7. Fakulti Sains - telah mengambil tindakan dalam sistem U-RESPONS.<br>8. Pusat Pengurusan Penyelidikan – TWP PP akan ambil tindakan.<br>9. Kolej Tan Sri Mustaffa Babjee – masih belum dapat maklum balas.</td><td></td></tr>
<tr><td>Minit 63.4</td><td>Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi ISO adalah sepertimana Lampiran Agenda 4 yang dibentangkan merangkumi dua (2) perkara iaitu:<br>(i) Statistik dokumen ISO 9001:2015 dan MS ISO/IEC 27001:2022; dan<br>(ii) Semakan Dokumen Belum Pinda 2021.<br><br>(b) mengambil maklum statistik dokumen terkini setakat 15 Januari 2025 bagi MS ISO 9001:2015 adalah sebanyak 806 dokumen dan MS ISO 27001:2022 adalah sebanyak 30 dokumen. Perincian mengikut kategori adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th colspan="5">MS ISO 9001:2015 (QMS)</th></tr>
<tr><th>Manual Kualiti</th><th>Prosedur</th><th>Arahan Kerja</th><th>Garis Panduan</th><th>Dokumen Sokongan</th></tr>
<tr><td>1</td><td>110</td><td>59</td><td>272</td><td>364</td></tr>
<tr><th colspan="5">MS ISO 27001:2013</th></tr>
<tr><th></th><th>Prosedur</th><th>Arahan Kerja</th><th>Garis Panduan</th><th>Dokumen Sokongan</th></tr>
<tr><td></td><td>4</td><td>1</td><td>13</td><td>12</td></tr>
</table>
<br>(c) mengambil maklum keperluan membuat semakan dokumen telah dinyatakan dalam Prosedur Pengurusan Dokumen ISO (UPM/PGR/P001) - Perkara 5.6: Laksana semakan semula dokumen sekurang-kurangnya satu (1) kali setiap lima (5) tahun bagi memastikan kesesuaian, kecukupan dan keberkesannya dengan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO. Tindakan peneraju proses boleh membuat keputusan sama ada dokumen;<br><br>(i) Dikekalkan – sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dan masih relevan dengan</td><td><br><br><br>Makluman<br><br><br><br><br><br><br>Makluman<br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

pelaksanaan semasa.

(ii) **Digabungkan** – sekiranya dokumen bertindih fungsi/proses dengan dokumen lain.

(iii) **Digugurkan** – sekiranya dokumen tidak lagi relevan dengan pelaksanaan terkini.

(d) mengambil perhatian sebanyak 99 dokumen yang belum pinda tahun 2021 dan perlu disemak serta dikemaskini pada tahun ini.

**PKD, TWP Peneraju Proses**

**STATISTIK DOKUMEN ISO BELUM PINDA**
**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**
**TAHUN 2021**
**(Kemaskini: 16 Disember 2024)**

| SKOP DOKUMEN | | | KATEGORI DOKUMEN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | MANUAL | PROSEDUR | ARAHAN KERJA/ ARAHAN TETAP | GARIS PANDUAN | DOKUMEN SOKONGAN LAIN | JUMLAH |
| **A) SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001** | | | | | | | | |
| 1 | Skop Pengurusan (PGR) | | | | | | | |
| | 1.1 | Pengurusan (PGR) | - | 1 | - | - | - | 1 |
| 2 | Skop Perkhidmatan Utama (PU) | | | | | | | |
| | 2.1 | Pengajian Siswazah (S) | - | - | - | - | 1 | 1 |
| | 2.2 | Penyelidikan dan Inovasi (PY) | - | - | - | - | 1 | 1 |
| 3 | Skop Sokongan | | | | | | | |
| | 3.1 | Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) | - | - | - | 2 | 1 | **3** |
| | 3.2 | Latihan (LAT) | - | - | - | 1 | 2 | **3** |
| | 3.3 | Pengurusan Sumber Manusia (BUM) | - | - | - | 3 | 1 | **4** |
| | 3.4 | Jaringan Industri dan Masyarakat (JINM) | - | - | - | - | 1 | **1** |
| | 3.5 | Aktiviti Bahasa Tanpa Kredit (LAX) | - | - | - | - | 2 | **2** |
| 4 | Skop Operasi Perkhidmatan Sokongan | | | | | | | |
| | 4.1 | Pejabat Naib Canselor (PNC) | - | 2 | - | 3 | 6 | **11** |
| | 4.2 | Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (HEPA) | - | 2 | - | 2 | 5 | **9** |
| | 4.3 | Pejabat Pendaftar - Operasi (PEND) | - | 1 | - | 2 | 3 | **6** |
| | 4.4 | Pejabat Bursar (BUR) | - | - | - | 2 | 1 | **3** |
| | 4.5 | Perpustakaan Sultan Abdul Samad - Operasi (PSAS) | - | - | 1 | 3 | 5 | **9** |
| | 4.6 | Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA) | - | - | - | 2 | 8 | **10** |
| | 4.7 | Pusat Kesihatan Universiti - Operasi (PKU) | - | - | 1 | - | 3 | **4** |
| | 4.8 | Pusat Islam Universiti - Operasi (PIU) | - | - | - | 1 | - | **1** |
| | 4.9 | Hospital Veterinar Universiti, Fakulti Perubatan Veterinar - Operasi (FPV) | - | 2 | 9 | - | - | **11** |
| | 4.10 | Pusat Penerbit UPM - Operasi (PUPM) | - | - | - | - | 1 | **1** |
| | 4.11 | Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa - Operasi (CALC) | - | 2 | - | - | 2 | **4** |
| **B) SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS)** | | | | | | | | |
| 5 | 5.1 | SOKONGAN (SOK) ISMS | - | 1 | - | 3 | - | **4** |
| | 5.2 | OPERASI PERKHIDMATAN SOKONGAN (OPR) ISMS | - | - | - | 5 | 5 | **10** |
| **JUMLAH DOKUMEN** | | | **-** | **11** | **11** | **29** | **48** | **99** |

**JUMLAH KESELURUHAN DOKUMEN BELUM PINDA 2021 = 99**

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>(e) merakamkan ucapan terima kasih kepada Peneraju Proses yang telah mengambil tindakan pengemaskinian dokumen tahun 2021 bagi tarikh kuat kuasa 28 Februari 2025 dan 14 Mei 2021 yang melibatkan sebanyak 11 dokumen.<br><br>(f) mengambil perhatian sebanyak 88 dokumen tahun 2021 yang perlu disemak dan dipinda dan tarikh kuat kuasa seterusnya adalah pada 31 Julai 2025 dan 12 September 2025.<br><br>(g) mengambil maklum sebanyak 51 dokumen yang telah disemak dan dipinda bagi kuat kuasa 28 Februari 2025 dan 14 Mei 2025 dan hebahan makluman perubahan dokumen ISO tersebut telah dihebahkan melalui INFO UPM dan semua TPKD PP/PTJ.</td><td>Makluman<br><br>PKD, TWP Peneraju Proses<br><br>Makluman</td></tr>
<tr><td>Minit 63.5</td><td>Laporan Audit (QMS dan ISMS)<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Laporan Audit ISO QMS dan ISMS UPM sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.<br><br>(b) status penutupan Audit Dalaman QMS dan ISMS UPM Tahun 2024 dan 2023 sehingga 11 Julai 2025 adalah seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th colspan="2" rowspan="2">Tahun 2023</th><th colspan="2">Bilangan</th><th rowspan="2">Jumlah</th></tr>
<tr><th>Tutup</th><th>Belum Tutup</th></tr>
<tr><td rowspan="2">QMS</td><td>NCR</td><td>197 (100%)</td><td>0</td><td>197</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>303 (99%)</td><td>2</td><td>305</td></tr>
<tr><td rowspan="2">ISMS</td><td>NCR</td><td>11 (100%)</td><td>0</td><td>11</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>13 (87%)</td><td>2</td><td>15</td></tr>
</table>
<br>
<table>
<tr><th colspan="2" rowspan="2">Tahun 2024</th><th colspan="2">Bilangan</th><th rowspan="2">Jumlah</th></tr>
<tr><th>Tutup</th><th>Belum Tutup</th></tr>
<tr><td rowspan="2">QMS</td><td>NCR</td><td>142 (73%)</td><td>11</td><td>153</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>237 (85%)</td><td>41</td><td>278</td></tr>
<tr><td rowspan="2">ISMS</td><td>NCR</td><td>3 (100%)</td><td>0</td><td>3</td></tr>
<tr><td>OFI</td><td>31 (91%)</td><td>1</td><td>32</td></tr>
</table>
<br>(c) mengambil perhatian justifikasi yang diberikan oleh PTJ untuk NCR 2024 yang belum ditutup dan memohon PTJ berkaitan mengambil tindakan bagi memastikan penemuan dapat ditutup sebelum Audit SIRIM akan datang.<br><br>(d) Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2025 telah berjaya dilaksanakan oleh semua PTJ di UPM bermula pada 7 April 2025 sehingga 6 Jun 2025 yang melibatkan</td><td>Makluman<br><br>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan<br><br>TWP PTJ yang berkenaan<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | sebanyak 50 PTJ/gabungan entiti bagi skop QMS dan 9 PTJ/gabungan skop bagi ISMS. | |
| | (e) analisis penemuan audit dalaman 2025 bagi QMS dengan bilangan NCR tertinggi mengikut proses seperti berikut:<br>i. OSH - Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (18 NCR)<br>ii. PS - Prasiswazah (17 NCR)<br>iii. PYG - Peralatan, Kemudahan Infrastruktur dan Kenderaan (16 NCR) | **Makluman** |
| | (f) analisis penemuan audit dalaman 2025 bagi QMS dengan bilangan NCR tertinggi mengikut klausa seperti berikut:<br>i. Klausa 8.5.1 (Kawalan penyediaan pengeluaran dan perkhidmatan) – 54 NCR<br>ii. Klausa 7.5.3 (Kawalan maklumat didokumentasi) – 36 NCR<br>iii. Klausa 7.5.2 (Mewujudkan dan mengemas kini) – 6 NCR | **Makluman** |
| | (g) analisis penemuan audit dalaman 2025 bagi ISMS dengan bilangan NCR tertinggi mengikut klausa dan annexe seperti berikut<br>i. Klausa 8 (operation)<br>ii. Annexe 5: *Organizational controls*<br>iii. Annexe 7: *Physical controls* | **Makluman** |
| | (h) mencadangkan agar peneraju proses menyemak prosedur dan garis panduan agar selari dengan pelaksanaan terkini mengikut keperluan peratuan/akta yang berkuatkuasa. | **Semua TWP PP** |
| | (i) mengambil perhatian kepada perkara berikut:<br>i. keperluan input Maklum Balas Pelan Tindakan NCR/OFI melalui PortalCQA dalam tempoh 21 hari bekerja dari tarikh e-mel pemakluman yang diterima dari CQA.<br>ii. pelaksanaan tindakan bagi penemuan NCR dalam tempoh yang telah direkodkan di dalam PortalCQA (tidak melebihi 3 bulan dari tarikh e-mel pemakluman yang diterima dari CQA).<br>iii. pelaksanaan tindakan bagi penemuan OFI dalam tempoh yang telah direkodkan di dalam PortalCQA (tempoh yang munasabah).<br>iv. analisis penemuan audit dalaman 2025 bagi QMS dengan bilangan NCR tertinggi mengikut proses iaitu OSH - Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan tidak menggambarkan tahap keselamatan persekitaran pekerjaan di UPM, tetapi ianya adalah melibatkan proses pengurusan dalaman iaitu pelaksanaan mesyuarat dan penyediaan minit mesyuarat tidak mengikut tempoh. | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | (j) aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2025 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM. Justeru, semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan tindakan penemuan audit dan merekodkan di dalam PortalCQA.<br><br>(k) semua PTJ telah atau sedang mengambil tindakan bagi OFI penemuan Audit SIRIM tahun 2024.<br><br>(l) tarikh Audit Pemantauan Semakan 1 QMS dan ISMS oleh SIRIM dijadualkan pada 22 – 26 September 2025. | **Makluman**<br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **Minit 63.6** | **Laporan Pencapaian Objektif ISO**<br><br>**63.6.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015**<br><br>**(a) Laporan Penetapan Sasaran *Key Performance Indicatior* (KPI) 2025 dan Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM Q1 2025**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>i. laporan pencapaian KPI tahun 2025 adalah seperti mana **Lampiran Agenda 6(a)(i).**<br><br>ii. sebanyak 72 KPI UPM 2025 yang ditetapkan telah disenaraikan dan perbandingan jumlah KPI bagi tahun 2024 dan 2025 adalah seperti dalam jadual di bawah: | <br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br>**Makluman** |

| **KPI** | **Jumlah KPI** | |
|---|---|---|
| | **2024** | **2025** |
| Akademik & Antarabangsa | 12 | 12 |
| Penyelidikan & Inovasi | 8 | 4 |
| Hal Ehwal Pelajar | 9 | 12 |
| Jaringan Industri & Masyarakat | 6 | 3 |
| Sumber Manusia | 9 | 4 |
| Pengurusan Kewangan & Aset | 9 | 6 |
| Perkhidmatan Perpustakaan | 6 | 6 |
| Perkhidmatan ICT | 7 | 7 |
| Pembangunan & Infrastruktur | 4 | 4 |
| Kemampanan Organisasi | 7 | 9 |
| Pertanian | 5 | 5 |
| **JUMLAH** | **82** | **72** |

| | | |
|---|---|---|
| | iii. KPI baharu UPM Sarawak (UPMS) dan jumlah keseluruhan KPI UPMS bagi tahun 2025 adalah seperti jadual di bawah: | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | *(see tables and items below)* | |

| KPI | Pernyataan KPI |
|---|---|
| Akademik & Antarabangsa | Jumlah program mobiliti (inbound & outbound) |
| Penyelidikan & Inovasi | Bilangan program berimpak tinggi:<br>a) Persidangan/kolokium/ konvensyen nasional dan antarabangsa.<br>b) Karnival/festival nasional dan antarabangsa |
| Pengurusan Kewangan & Aset | Penjanaan pendapatan<br>a) Yuran pelbagai<br>b) Sumbangan luar<br>c) Pendapatan lain |
| Kemampanan Organisasi | 1. Inisiatif khas<br>2. Penjenamaan dari pemasaran |
| Pertanian | Bilangan projek berteraskan keterjaminan makanan |

| KPI | Jumlah KPI |
|---|---|
| | 2025 |
| Akademik & Antarabangsa | 1 |
| Penyelidikan & Inovasi | 1 |
| Hal Ehwal Pelajar | |
| Jaringan Industri & Masyarakat | |
| Sumber Manusia | - |
| Pengurusan Kewangan & Aset | 1 |
| Perkhidmatan Perpustakaan | - |
| Perkhidmatan ICT | - |
| Pembangunan & Infrastruktur | - |
| Kemampanan Organisasi | 2 |
| Pertanian | 1 |
| **JUMLAH** | **6** |

iv. elemen keseluruhan yang perlu diambil kira oleh semua skop KPI adalah penjenamaan dan pemasaran dan keunggulan global. — **Makluman**

v. terdapat pindaan maklumat KPI UPM 2024/2025 dan perincian pindaan adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6(a)(i).** — **Makluman**

vi. inisiatif konsolidasi data KPI UPM adalah melibatkan: — **Makluman**

| | |
|---|---|
| **Keperluan KPT** | OBB, MyMoheS, MyRA, SETARA, NFF, *Signature* 2025. |
| **Keperluan Penarafan** | QS, THE, UI *Greenmentric*, US *News BEST Global* |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | | *Universities*. | |
| | **Keperluan Dalaman** | Pelan Strategik 2021-2025, Naratif Naib Canselor, *Blueprint* Keterjaminan Makanan, *Blueprint Planetary Health.* | |

**(b) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras bagi Tempoh Januari hingga Jun Tahun 2025**

Mesyuarat mengambil maklum:

i. Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Januari hingga Jun tahun 2025 adalah sepertimana **Lampiran Agenda 6(a)(ii)** yang dibentangkan. — **Makluman**

ii. sebanyak 76 petunjuk prestasi daripada 57 objektif fungsian telah diukur dengan pecahan pencapaian seperti berikut: — **Makluman**

- Skop Prauniversiti – dua (2) petunjuk prestasi mencapai sasaran dan satu (1) tidak diukur;
- Skop Proses Utama – lima (5) petunjuk prestasi mencapai sasaran dan satu (1) petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran dan lima (5) tidak diukur;
- Skop Proses Sokongan - lapan (8) petunjuk prestasi mencapai sasaran dan tiga (3) tidak mencapai sasaran; dan
- Skop Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 39 mencapai sasaran, enam (6) tidak mencapai sasaran dan enam (6) tidak diukur.

iii. petunjuk prestasi yang tidak mencapai sasaran perlu diambil tindakan pembetulan /penambahbaikan secara berterusan oleh peneraju terlibat bagi memastikan sasaran yang ditetapkan dapat dicapai pada tahun 2025 dan semakan semula pencapaian akan dilaksanakan pada Penggal Kedua (HY1), 2025 dan dibentangkan pada 9 Disember 2025. — **Makluman**

iv. kesemua 76 petunjuk prestasi diukur dnegan 54 petunjuk prestasi mencapai sasaran, 10 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran dan 12 petunjuk prestasi tidak diukur bagi tempoh Januari hingga Jun 2025. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|

**(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan 2024**

Mesyuarat mengambil maklum:

i. Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi tempoh Januari hingga Jun tahun 2025 adalah seperti mana **Lampiran Agenda 6(a)(iii)** yang dibentangkan. Laporan Piagam Pelanggan ini merangkumi Proses Utama, Proses Operasi dan Sokongan. — **Makluman**

ii. ringkasan Piagam Pelanggan 2025 adalah seperti berikut: — **Makluman**

| Skop | Jumlah Piagam Pelanggan | Kategori |
|---|---|---|
| Proses Utama (melibatkan 3 PTJ) | 26 | Prasiswazah – 8<br>Siswazah – 12<br>Penyelidikan & Inovasi – 6 |
| Proses Operasi & Sokongan | 130 | Melibatkan 33 PTJ |

iii. pecahan pencapaian Piagam Pelanggan PTJ UPM bagi tempoh Januari hingga Mei 2025 adalah seperti dalam rajah berikut: — **Makluman**



<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>




iv. justifikasi tidak capai sasaran untuk pernyataan Piagam Pelanggan adalah seperti dalam jadual:

<table>
<tr><th>Piagam Pelanggan</th><th>Sasaran 2025</th><th>Justifikasi</th></tr>
<tr><td>Memastikan pelajar menduduki viva voce dalam tempoh empat (4) bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk peperiksaan. (Sekolah Pengajian Siswazah)</td><td>80%</td><td><u>Januari (61%)</u><br>1. Ketidakcapaian adalah disebabkan penetapan tarikh viva voce secara automatik bermula 24 Ogos 2024.<br>2. Kekangan mendapatkan pengesahan kehadiran oleh pemeriksa mengikut tarikh viva voce yang telah ditetapkan<br><br><u>Mac (77%) & April (74%)</u><br>1. Pemeriksa lewat hantar laporan<br>2. Kekangan penetapan tarikh viva<br>3. Pertukaran Pemeriksa<br>4. Pertindihan tarikh dengan viva lain</td></tr>
<tr><td>Mengedarkan keputusan Jawatankuasa Pengurusan Universiti dalam tempoh (5) hari bekerja tarikh minit disahkan (Pejabat Naib Canselor)</td><td>100%</td><td><u>Justifikasi Februari 2025</u><br>TARIKH MESYUARAT : 5 FEB,<br>TARIKH PENGESAHAN MINIT : 13 Feb,<br>TARIKH EDARAN KEPUTUSAN : 18 Feb, 15 - 16 (Sabtu & Ahad)<br><br><u>Justifikasi Mac 2025</u></td></tr>
</table>

</td><td>TWP PP/PTJ yang berkenaan</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | | | | TINDAKAN |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | | TARIKH MESYUARAT : 26 Mac,<br>TARIKH PENGESAHAN MINIT : 23 April,<br>TARIKH EDARAN KEPUTUSAN : 23 April, 26-27 April (Sabtu & Ahad)<br><br>**Justifikasi April 2025**<br>TARIKH MESYUARAT : 26 Mac,<br>TARIKH PENGESAHAN MINIT : 23 April,<br>TARIKH EDARAN KEPUTUSAN : 23 April, 26-27 April (Sabtu & Ahad).<br><br>TARIKH MESYUARAT : 30 APR,<br>TARIKH PENGESAHAN MINIT : 7 Mei,<br>TARIKH EDARAN KEPUTUSAN : 13 Mei, 10-11 Mei (Sabtu & Ahad) | |
| | | Memaklumkan keputusan permohonan ke luar negara kepada pemohon melalui email (notifikasi automatik SPLN) dalam tempoh 7 hari bekerja untuk permohonan TIDAK RASMI (bermula dari tarikh permohonan lengkap diterima). (Pejabat Naib Canselor). | 100% | Justifikasi permohonan TIDAK RASMI tidak mencapai 100% kerana (luar kawalan urusetia SPLN):<br>i. Kelewatan di peringkat Ketua PTJ untuk membuat pengesahan/sokongan kelulusan<br>ii. Pegawai (pemohon) tidak follow up dengan Ketua PTJ status permohonan masing-masing sebelum membuat perjalanan | |
| | | Menyemak dan memberi maklum balas kepada draf dokumen perundangan seperti memorandum persefahaman, perjanjian, surat | 100% | **Januari (99%)**<br>Terdapat 1 dokumen dikeluarkan lebih dari tempoh 14 hari berkerja | |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | <table><tr><td>niat dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap. (Pejabat Penasihat Undang-Undang).</td><td></td><td></td></tr></table> | |
| | v. Akademi Sukan tidak menghantar laporan pencapaian Piagam Pelanggan Januari hingga Mei 2025 dan TWP PP adalah dimohon untuk memastikan laporan tersebut dihantar kepada pihak PKPU. | **TWP PP PNC** |
| | vi. Pernyataan Piagam Pelanggan iaitu *"Memastikan pelajar menduduki viva voce dalam tempoh empat (4) bulan selepas penyerahan tesis kepada Sekolah Pengajian Siswazah untuk peperiksaan"* adalah sama dengan Petunjuk Prestasi Pelan Tindakan Fungsian dan Aras UPM. TWP SPS adalah dimohon untuk meneliti semula pernyataan tersebut dengan mengambil kira impak kepada pelanggan atau operasi kerja di PTJ. | **TWP PP SPS** |
| | vii. Jawatankuasa Pengurusan Khidmat Pelanggan (JKKP) UPM Kali ke-6 Bil. 1/2025 telah diadakan pada 13 Mei 2025 dan telah bersetuju untuk meneliti dan menyemak semula Piagam Pelanggan PTJ sedia ada supaya ianya selari dengan hala tuju Universiti dan memaknai teras memberikan perkhidmatan melangkaui jangkaan kepada pelanggan masing-masing. | **Makluman** |
| | **63.6.2 Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat Sistem Pengurusan Keselamatan (ISMS) ISO/IEC 27001:2022 (Januari hingga Jun 2025)** | |
| | i. mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Objektif Keselamatan Maklumat bagi tempoh Januari hingga Jun 2025 adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6(b)** yang dibentangkan. | **Makluman** |
| | ii. mesyuarat mengambil maklum kesemua dua (2) Objektif Keselamatan masih belum diukur kerana ia melibatkan tempoh kemasukan pelajar baharu Diploma dan Bacelor masing-masing pada Julai dan Oktober 2025. Manakala empat (4) Objektif Keselamatan telah diukur dan pencapaian serta justifikasi adalah seperti pada **Lampiran Agenda 6(b).** | **Makluman** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| Minit 63.7 | **Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO 2025** | |

**63.7.1 Laporan Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS**

Mesyuarat mengambil maklum:

(a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS sepertimana pada **Lampiran Agenda 7(a)** yang telah dibentang. — **Makluman**

(b) laporan melalui **Sistem U-Respons** bagi tempoh Januari sehingga Jun 2025 seperti berikut: — **Makluman**

| | Orang Awam | Pelajar | Pembekal | Staf UPM | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|
| Aduan | 46 | 43 | 0 | 22 | 111 |
| Cadangan | 13 | 3 | 0 | 2 | 18 |
| Penghargaan | 10 | 1 | 0 | 11 | 12 |
| Pertanyaan | 115 | 56 | 1 | 2 | 178 |

(c) Pecahan mengikut skop maklum balas bagi U-Respons: — **Makluman**

| Skop | Bilangan |
|---|---|
| Prasiswazah | 101 |
| Pascasiswazah | 30 |
| Penyelidikan & Inovasi | 4 |
| Perkhidmatan Sokongan | 47 |
| Lain-Lain | 184 |

(d) Status tindakan U-Respons seperti berikut: — **Makluman**

| | Aduan | Cadangan | Penghargaan | Pertanyaan |
|---|---|---|---|---|
| Selesai & Ditutup | 42 | 4 | 1 | 129 |
| Dijawab & Belum Tutup | 69 | 14 | 11 | 45 |

(e) Timbalan Penyelaras Kepuasan Pelanggan (TPKP) PTJ boleh mengenalpasti/menukar kategori maklum balas di dalam sistem berdasarkan maklum balas yang diterima. — **Makluman**

**63.7.2 Laporan Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS**

Mesyuarat mengambil maklum:

(a) laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISMS sepertimana pada **Lampiran Agenda 7(b)** yang telah dibentang. — **Makluman**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
| --- | --- | --- |
| | (b) laporan **Soal Selidik Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Pascasiswazah semasa Minggu Pendaftaran Pelajar bagi Setengah Tahun Pertama 2025** seperti berikut:<br><br>Rumusan hasil soal selidik:<br>i. Peratusan pelajar yang menjawab soal selidik adalah sebanyak **84.46%**;<br>ii. Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 5 (sangat setuju) adalah pada soalan nombor 1 iaitu **'Saya mendapati bahawa semua maklumat dalam surat tawaran universiti, terutamanya nama dan alamat surat-menyurat, adalah tepat.'** (854 responden /77%). Manakala jumlah responden yang terendah yang memberikan skala 5 adalah pada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (708 responden/ 64%);<br>iii. Jumlah responden tertinggi yang memberikan skala 1 (sangat tidak setuju) adalah kepada soalan nombor 6 iaitu **'Saya dapati Sistem PutraENROLL telah memudahkan proses pendaftaran untuk mendaftar di Universiti Putra Malaysia.'** (42 responden/4%);<br>iv. Analisis skala likert jawapan yang diberikan oleh semua responden adalah mencapai **min yang tinggi (4.61)** berdasarkan soalan 1 sehingga 6. Dari segi peratusan pula, analisis kepuasan pemegang taruh menunjukkan **88%** menjawab pada skala 4 dan skala 5. Ia membuktikan pelajar baharu UPM pada tiga (3) kemasukan iaitu Semester Kedua 2024/2025, Trimester Ketiga 2024/2025dan Sesi Pertama 2025/2026 berpuas hati dengan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dalam proses pendaftaran pelajar baharu di Universiti Putra Malaysia. | **Makluman** |
| | Cadangan penambahbaikan yang diperolehi daripada responden (Pelajar Baharu) adalah seperti berikut:<br><br>i. Menambahbaik kaedah pemberian maklum balas terhadap pertanyaan dan prosedur berkaitan yang melibatkan pendaftaran pelajar baharu secara atas talian.<br>ii. Baiki pepijat (bug) dalam sistem PutraENROLL, khususnya pada bahagian muat naik dokumen visa yang tidak menunjukkan status lengkap walaupun telah dimuat naik berkali-kali.<br>iii. Pastikan sistem PutraENROLL boleh diakses sepenuhnya melalui telefon<br>iv. Tingkatkan keselamatan sistem PutraENROLL, | **TWP ISMS** |

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | kerana muncul mesej amaran "dokumen tidak selamat" apabila dimuat turun, yang boleh menjejaskan keyakinan pengguna.<br>v. Naik taraf keselamatan laman web IGMIS dan PutraBLAST yang masih menggunakan HTTP dan tidak mempunyai proses pengesahan yang disulitkan (encrypted), sekali gus mendedahkan maklumat pelajar kepada risiko.<br>vi. Tingkatkan kebolehaksesan laman pendaftaran dari luar negara, kerana pelajar antarabangsa mengalami kesukaran mengakses laman tanpa menggunakan VPN.<br>vii. Mempercepat proses pengesahan di setiap seksyen dengan memberi keutamaan kepada permohonan yang telah lama dikemas kini oleh calon pelajar.<br><br>(c) Laporan **Soal Selidik Keselamatan Maklumat Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti bagi tempoh Januari hingga Jun 2025** seperti berikut:<br><br>Rumusan hasil soal selidik:<br>Secara keseluruhan, 81.77% (n=570) pelajar memberikan penilaian antara skor baik dan cemerlang (min 4.00 – 5.00) terhadap tahap keselamatan maklumat penilaian pengajaran UPM. Manakala 18.23% (n=127) memberikan penilaian <4.00. | <br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br><br>**Makluman** |
| **Minit 63.8** | **Laporan Penilaian Risiko**<br><br>**63.8.1 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS)**<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br>(a) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) sepertimana **Lampiran Agenda 8(a)** yang telah dibentang.<br><br>(b) jumlah keseluruhan penyataan isu bagi tahun 2025 adalah sebanyak 396 dengan 334 isu dalaman dan 62 isu luaran bagi 71 PTJ.<br><br>(c) peratus tertinggi kategori fungsian/operasi adalah pentadbiran / perkhidmatan sebanyak 22.5% (89 isu), infrastuktur / persekitaran sebanyak 14.9% (59 isu) dan pengajaran sebanyak 13.1% (52 isu).<br><br>(d) peratus tertinggi bagi risiko yang memberi kesan kepada KPI UPM dan pihak berkepentingan adalah Pihak Berkepentingan sebanyak 37.9% (150 risiko), KPI Akademik dan Antarabangsa sebanyak 13.9% (55) dan KPI Penyelidikan & Inovasi sebanyak 12.1% (48 risiko). | <br><br><br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br>**Makluman**<br><br><br><br><br>**Makluman** |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
(e) isu utama yang dikenal pasti bagi setiap kategori fungsian adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th>Bil</th><th>Kategori Fungsian / Operasi</th><th>Isu Dengan Bilangan Tertinggi</th></tr>
<tr><td>1</td><td>Pentadbiran / Perkhidmatan</td><td>Kekurangan staf akademik dan bukan akademik yang mahir / kompeten mengikut fungsi PTJ.</td></tr>
<tr><td>2</td><td>Infrastruktur / Persekitaran</td><td>Bangunan/ peralatan/ infrastruktur yang usang / rosak/ berkulat</td></tr>
<tr><td>3</td><td>Kewangan</td><td>Peruntukan kewangan terhad.</td></tr>
<tr><td>4</td><td>Pengajaran</td><td>1. Kemasukan pelajar siswazah / antarabangsa / T20 berkurangan.<br>2. Kurikulum tidak disemak mengikut tempoh.</td></tr>
<tr><td>5</td><td>Penyelidikan</td><td>Penawaran geran penyelidikan berkurangan/terhad.</td></tr>
<tr><td>6</td><td>Keselamatan / Kesihatan</td><td>1. Risiko kemalangan dimakmal dan pendedahan bahan kimia<br>2. Ancaman haiwan liar dan berbisa</td></tr>
<tr><td>7</td><td>Teknologi Maklumat & Komunikasi</td><td>1. Gangguan terhadap capaian internet.<br>2. Sistem aplikasi tidak memenuhi keperluan semasa.</td></tr>
<tr><td>8</td><td>Peralatan / Mesin</td><td>Kos pembelian alatan baharu atau proses naik taraf / baik pulih / penggantian peralatan makmal pengajaran dan penyelidikan yang rosak yang tinggi.</td></tr>
<tr><td>9</td><td>Undang-undang</td><td>Akta / peraturan yang tidak dipatuhi (contoh pemalsuan dokumen oleh pelajar antarabangsa, plagiarisme).</td></tr>
</table>
(f) bilangan risiko bagi penilaian awal dan penilaian HY1 2025 adalah seperti berikut:
<table>
<tr><th rowspan="2">Penilaian</th><th colspan="4">Bilangan Risiko</th></tr>
<tr><th>Rendah</th><th>Sederhana</th><th>Tinggi</th><th>Belum Nilai</th></tr>
<tr><td>Awal</td><td>114</td><td>239</td><td>33</td><td>10</td></tr>
<tr><td>HY1</td><td>116</td><td>236</td><td>27</td><td>17</td></tr>
</table>
(g) senarai 27 risiko tinggi HY1 2025 yang telah dikenalpasti oleh PTJ.<br><br>
(h) tindakan kawalan ke atas risiko HY1 yang diambil iaitu tolak ansur (60), rawat (281), pindah (16), elak (1) dan belum nilai (38).<br><br>
(i) mengambil perhatian agar peneraju proses mengenal pasti risiko tinggi PTJ yang berkaitan agar tindakan secara komprehensif dapat diambil.
</td><td>
Makluman<br><br>
Makluman<br><br>
Makluman<br><br>
Makluman<br><br>
TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan
</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>63.8.2 Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br>(a) Laporan Penilaian Risiko Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) sepertimana Lampiran Agenda 8(b) yang telah dibentang.<br><br>(b) Penilaian Risiko dan Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat terkini (semakan Mac 2025) melibatkan skop berikut:<br>i. Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Siswazah.<br>ii. Proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Serdang.<br>iii. Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah Kampus Bintulu.<br>iv. Pusat Data.<br>v. Penilaian Pengajaran Prasiswazah di Fakulti.<br><br>(c) hasil penilaian ke atas 799 aset mencatatkan 1333 bilangan ancaman dengan 1295 risiko tahap rendah, 38 risiko tahap sederhana dan tiada risiko tahap tinggi.<br><br>(d) tren penilaian risiko ISMS UPM dari tahun 2021 sehingga 2025 yang melibatkan bilangan aset dan jumlah ancaman.</td><td>Makluman<br><br>Makluman<br><br>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
<tr><td>Minit 63.9</td><td>Laporan Latihan Universiti<br><br>Mesyuarat mengambil maklum:<br><br>(a) Laporan Latihan Universiti seperti mana Lampiran Agenda 9 yang dibentang berkaitan pencapaian 18 mata CPD (3 hari) latihan staf UPM dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) tahun 2025.<br><br>(b) status pencapaian 18 jam latihan staf UPM sehingga 30 Jun 2025 adalah seperti berikut:<br><br>Staf Bukan Akademik<br><br><table><tr><th>Bil.</th><th>Pencapaian Jumlah Jam/Hari Latihan</th><th>Peratus (%) & Bilangan Staf</th></tr><tr><td>1.</td><td>Pencapaian 18 jam latihan (≥3 hari)</td><td>62.82% (3445 orang)</td></tr><tr><td>2.</td><td>Pencapaian kurang 18 jam latihan (≤3 hari)</td><td>33.77% (1852 orang)</td></tr><tr><td>3.</td><td>Tidak Berkursus (0 hari)</td><td>3.41% (187 orang)</td></tr></table></td><td>Makluman<br><br>Makluman</td></tr>
</table>

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **Staf Akademik**<br><br>\| **Bil.** \| **Pencapaian Jumlah Jam/Hari Latihan** \| **Peratus (%) & Bilangan Staf** \|<br>\| 1. \| Pencapaian 18 jam latihan (≥3 hari) \| 50.89% (747 orang) \|<br>\| 2. \| Pencapaian kurang 18 jam latihan (≤3 hari) \| 42.92% (630 orang) \|<br>\| 3. \| Tidak Berkursus (0 hari) \| 6.2% (91 orang) \|<br><br>(c) cadangan untuk menaikkan mata CPD latihan kepada 40 jam (5 hari) setahun bagi Pegawai Akademik selaras dengan keperluan MQA.<br><br>(d) mencadangkan agar PTJ menyemak dan membuat tindakan susulan ke atas staf yang langsung tidak berkursus bagi memastikan tindakan sewajarnya diambil. | **Makluman**<br><br>**Makluman** |
| **Minit 63.10** | **Laporan Pengurusan Rekod Universiti**<br><br>Mesyuarat:<br><br>(a) mengambil maklum Laporan Pengurusan Rekod Universiti sepertimana **Lampiran Agenda 10** yang dibentang.<br><br>(b) mengambil maklum status penambahbaikan kod klasifikasi fail UPM bagi tarikh kemaskini sehingga Mei 2025 adalah seperti berikut: | **Makluman**<br><br>**Makluman** |

| Kod | 100-3/1: Pelan Strategik | |
|---|---|---|
| 100: Pentadbiran | 100-3/1/8 | Pelan Strategik UPM 2026-2030 |
| | 100-6/2: Mesyuarat Luar UPM | |
| | 100-6/2/44 | Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Data Strategik Universiti (JPDSU) |
| | 100-13/1: Pertubuhan/ Persatuan – Dalam Negeri | |
| | 100-13/1/34 | Persatuan Skim G/GV |
| | 100-15/2: Sistem Aplikasi | |
| | 100-15/2/93 | myMOHES (Penyelaras Induk) |
| Kod | 200-1/3: Perancangan Pembangunan | |
| 200: Tanah, Bangunan dan Infrastruktur | 200-1/3/1 | Pusat Benih Negara |
| | 200-3/1: Jawatankuasa Penyelarasan Projek-projek Pembangunan | |
| | 200-3/1/1 | Projek Pembangunan oleh UKAS Kementerian Kewangan |
| Kod | 600-4/5: Pengambilan Pelajar Antarabangsa/ Bukan Warganegara | |

<table>
<tr><th>MINIT</th><th>AGENDA</th><th>TINDAKAN</th></tr>
<tr><td></td><td>
<table>
<tr><td>600: Pengurusan Akademik</td><td>600-4/5/12</td><td>Jawatankuasa Antarabangsa Universiti (JKAU)</td></tr>
<tr><td>Kod</td><td colspan="2">700-1/1: Kepimpinan</td></tr>
<tr><td rowspan="6">700: Hal Ehwal Pelajar</td><td>700-1/1/14</td><td>Universiti Putra Malaysia International Student Association (UPMISA)</td></tr>
<tr><td colspan="2">700-3/1: Pengurusan Persatuan/Kelab Pelajar</td></tr>
<tr><td>700-3/1/8</td><td>Penilaian Risiko Aktiviti Pelajar Berbentuk Hiburan</td></tr>
<tr><td colspan="2">700-8/1: Alumni Universiti Putra Malaysia</td></tr>
<tr><td>700-8/1/19</td><td>Sejam Bersama Alumni (SEBA)</td></tr>
<tr><td colspan="2"></td></tr>
<tr><td>Kod</td><td colspan="2">800-2/1: Pemantauan Penyelidikan</td></tr>
<tr><td>800: Penyelidikan dan Inivasi</td><td>800-2/1/13</td><td>University Driven Research Program (UDRP)</td></tr>
</table>
</td><td></td></tr>
<tr><td>Minit 63.11</td><td>Hal-hal Lain<br><br>(a) Mesyuarat mengambil perhatian di mana TWP PP/PTJ dimohon untuk mengambil peranan dalam memantau pegawai-pegawai kualiti di PTJ termasuk TPKD, TPAD, TPLS, TPKP dan PRJ bagi memastikan agenda-agenda kualiti dapat direspon dengan cepat dan landskap kualiti berada dalam tahap yang terbaik.</td><td>TWP PP/PTJ</td></tr>
<tr><td>Minit 63.12</td><td>Penangguhan Mesyuarat<br><br>Pengerusi merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada semua Peneraju Proses yang telah menyediakan laporan agenda dan kepada semua ahli yang telah hadir ke mesyuarat ini.<br><br>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.40 pagi dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</td><td>Makluman</td></tr>
</table>

**Lampiran A**

**SENARAI KEHADIRAN**
**MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM**
**KALI KE-63**

**Tarikh : 15 Julai 2025 (Selasa)**
**Masa : 9.00 pagi – 11.40 pagi**
**Tempat : Secara dalam talian melalui Aplikasi *Google Meet***

**HADIR :**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Profesor Ir. Dr. Abd. Rahim bin Abu Talib | Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti / Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Ts. Shahril Iskandar bin Amir | TWP ISMS, Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 3. | Prof. Madya Dr. Noor Syamilah binti Zakaria | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Akademik, Pusat Jaminan Kualiti |
| 4. | Puan Haslida binti Hassan | Timbalan Pengarah Jaminan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti |
| 5. | Puan Noorizai binti Mohamad Noor | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 6. | Encik Shahriman bin Hashim | TWP (PP) Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 7. | Encik Mohd Nazri bin Md Yasin | TWP (PP) Pejabat TNC (Akademik dan Antarabangsa) |
| 8. | Cik Nor Azizah binti Tamsi | TWP (PP) Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 9. | Puan Suhana binti Md Chairi | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 10. | Encik Yusri bin Hashim | TWP (PP) Pejabat Bursar |
| 11. | Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah | TWP (PP) Pusat Asasi Sains UPM |
| 12. | Cik Haslina binti Abu Seman@ Talib | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 13. | Puan Nor Azirawani binti Man | TWP (PP) Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 14. | Encik Muhammad Hafiz bin Bakar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 15. | Dr. Suhyna binti Mohamad Sulaiman | TWP (PP) Pusat Kesihatan Universiti |
| 16. | Puan Salinah @lina binti Junid | TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 17. | ASP/PB Ibrahim bin Hassan | TWP (PP) Pusat Polis Bantuan dan Keselamatan Universiti |
| 18. | Puan Norshahilda binti Md Sharil | TWP (PP) Pusat Penerbit UPM |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 19. | Puan Shahriah binti Membar | TWP (PP) Pusat Antarabangsa Putra |
| 20. | Encik Mohd Tarmizi bin Ishak | TWP (PP) Pusat Pertanian Putra |
| 21. | Puan Nariza binti Mohd Elias | TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang |
| 22. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 23. | Puan Rita Anak Bajat | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar |
| 24. | Puan Noorizajune binti Abu Bakar | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 25. | Puan Juita binti Md. Tahir | TWP (PTJ) Fakulti Sains |
| 26. | Puan Rozi binti Tamin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 27. | Puan Hajjah Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 28. | Puan Nurhanisah binti Sadun | TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 29. | Puan Saliza binti Mustafa | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Maden dan Komunikasi |
| 30. | Encik Wan Zaharuddin bin Wan Abdullah | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 31. | Encik Saiful Azlin bin Maskan | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 32. | Puan Shamilah binti Samian | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 33. | Puan Wan Nur Syarmimie binti Wan Azman | TWP (PTJ) Institut Nanosains dan Nanoteknologi |
| 34. | Puan Askina binti Aziz | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia |
| 35. | Encik Muhamad Asyraf bin Arshad | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 36. | Encik Din Ayub | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 37. | Puan Noor Izura binti Ibrahim | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika dan Sekuriti Makanan |
| 38. | Puan Haliena binti Azhar | TWP (PTJ) Institut Kajian Perladangan |
| 39. | Puan Nur Syahirah binti Ibrahim | TWP (PTJ) Institut Antarabangsa Akuakultur dan Sains Akuatik |
| 40. | Encik Mohd Affendi bin Abd Manaf | TWP (PTJ) Pusat Pengimejan Diagnostik Nuklear |
| 41. | Puan Nurainakmal binti Kamal Bahrin | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD), Pusat Jaminan Kualiti / Setiausaha Mesyuarat |
| 42. | Puan Zenaida binti Md Zenon | Penyelaras Audit Dalam (PAD), Pusat Jaminan Kualiti |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 43. | Encik Noor Mohamad bin Shakil Hameed | Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU), Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |
| 44. | Puan Noor Hasfalina binti Abu Hassan | Sekretariat Pengurusan Risiko Universiti, Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat |

**<u>TURUT HADIR :</u>**

| Bil. | Nama | PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Dr. Azri Shazni bin Azhar | Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 2. | Ts. Rosliza binti Ibrahim | Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 3. | Puan Fadzlina binti Amir Shapuddin | Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 4. | Puan Juliana binti Abd Hak | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 5. | Puan Siti Nur Ain binti Rahim | Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 6. | Puan Aida Fitri binti Peli | Fakulti Kejuruteraan |
| 7. | Puan Siti Khadijah binti Ahmad | Pejabat Pendaftar |
| 8. | Encik Ahmad Afeeq bin Roslan | Pejabat TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 9. | Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap | Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Kepemimpinan Akademik |
| 10. | Encik Abdul Razif bin Abdul Razak | Pusat Antarabangsa Putra |
| 11. | Puan Roziah Hanum binti Ramli | Pejabat Naib Canselor |
| 12. | Puan Siti Fatimah binti Hasim | Pusat Jaminan Kualiti |
| 13. | Puan Kasmaria  binti Zawawi | Pusat Jaminan Kualiti |
| 14. | Encik Izzul Muzakkir bin Aris | Pusat Jaminan Kualiti |

**<u>TIDAK HADIR (DENGAN KENYATAAN) :</u>**

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 1. | Encik Abdullah bin Arshad | Pejabat TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) |
| 2. | Encik Hisyamuddin bin Hashim | Penyelaras Latihan Staf (PLS), Pejabat Pendaftar |
| 3. | Cik Siti Ima Munirah binti Ahmad | Pegawai Rekod Jabatan Universiti (PRJU), Pejabat Pendaftar |
| 4. | Puan Norhasliza binti Hassan | TWP (PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 5. | Ts. Norazlin binti Yusof | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |

| Bil. | Nama | Jawatan / PTJ |
|---|---|---|
| 6. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah |
| 7. | Encik Alzasha Illiyyin bin Zainal Alam | TWP (PP) Pusat Islam Universiti |
| 8. | Puan Natassah binti Othman | TWP (PP) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 9. | Puan Lailawati binti Bakar | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 10. | Puan Hasliza binit Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 11. | Puan Fairuz binti Muchtar | TWP (PTJ) Sekolah Perniagaan dan Ekonomi |
| 12. | Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah bin Abdullah | TWP (PP) Hospital Sultan Abdul Aziz Shah |
| 13. | Encik Noor Hakim bin Ahmad | TWP (PTJ) Universiti Putra Malaysia, Kampus Bintulu |
| 14. | Puan Suryani binti Ahmad | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 15. | Puan Norazlindawati binti Hashim | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Produk Halal |